



03 MAR, 2023

## Generasi muda diperkenal seni budaya Kelantan

Harakah, Malaysia

Page 1 of 2

# Generasi muda diperkenal seni budaya Kelantan

**KUALA LUMPUR:** Program Kelantan Art and Culture Festival Tour mendapat sambutan pelancong dari dalam dan luar negara.

Program itu diadakan pada 24 hingga 26 Februari lalu di Muzium Negara disajikan dengan pelbagai acara menarik.

Exco Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan, Mejar (B) Datoí Md Anizam Ab Rahman berkata, penganjuran program tersebut sebahagian usaha kerajaan negeri memperkenalkan seni budaya dan warisan rakyat Kelantan kepada generasi muda dan pelancong.

“Penganjuran program ini untuk memperkenalkan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia khususnya di Kelantan kepada pengunjung yang



**Persembahan kesenian Kelantan.**

belum pernah melawat ke Kelantan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup program tersebut baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Dr Kang Tong Hum dan Ketua Pengarah Muzium Negara Datoí Kamarul Baharin A Kasim.

Sempena program terbabit diadakan pameran, persembahan kebudayaan dan kesenian,

demonstrasi pembuatan kraftangan dan makanan tradisional Kelantan.

Program terbabit turut mendapat kerjasama Muzium Negara, Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri, Kraftangan Malaysia, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Kelantan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri.



**Kaedah pembikinan peralatan pertukangan besi.**



03 MAR, 2023

## Generasi muda diperkenalkan seni budaya Kelantan

Harakah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Program Kelantan Art and Culture Festival Tour mendapat sambutan pelancong dari dalam dan luar negara. Program itu diadakan pada 24 hingga 26 Februari lalu di Muzium Negara disajikan dengan pelbagai acara menarik. Exco Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan, Mejar (B) Datoi Md Anizam Ab Rahman berkata, penganjuran program tersebut sebahagian usaha kerajaan negeri memperkenalkan seni budaya dan warisan rakyat Kelantan kepada generasi muda dan pelancong.